



**KOPERASI
PERBADANAN
PERAK
BERHAD
(KOPERAK)**



LAPORAN TAHUNAN 2022

MESYUARAT AGUNG KALI KE- 41

**24 JUN 2023 (SABTU)
5 ZULHIJAH 1444H**

Institut Latihan Perindustrian Ipoh
Kawasan Perindustrian
Taman Meru
30020 Ipoh




Sijil Pengiktirafan

100 Koperasi Terbaik Malaysia 2022

**KOPERASI PERBADANAN
PERAK BERHAD**

telah berjaya tersenarai pada kedudukan

KE - 47



.....
DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

VISI

“Untuk menjadi Koperasi yang menerajui kecemerlangan kepelbagaian aktiviti perniagaan dengan penawaran perkhidmatan yang terbaik”

MISI

- ❖ Beriltizam ke arah memajukan kualiti perkhidmatan melalui kepelbagaian aktiviti perniagaan dan kebajikan anggota.
- ❖ Beriltizam ke arah peningkatan kepuasan anggota menerusi perkhidmatan yang jujur, amanah, cekap dan cepat.
- ❖ Beriltizam meneruskan usaha meningkatkan keuntungan anggota koperasi dari semasa ke semasa.
- ❖ Beriltizam untuk berdedikasi mempergiatkan tanggungjawab sosial menerusi keuntungan yang diperolehi.

OBJEKTIF

- ❖ Menjalankan kegiatan ekonomi berlandaskan konsep Pematuhan Syariah.
- ❖ Membina dan membangunkan ekonomi anggota melalui masyarakat sejagat.
- ❖ Memupuk sikap bekerjasama dan tolong menolong di kalangan anggota.
- ❖ Membantu anggota memperolehi wang tunai dan perkhidmatan secara mudah serta halal melalui pembiayaan berlandaskan Syariah.
- ❖ Mengadakan program Pendidikan kepada anggota melalui seminar dan kursus (dalaman & luaran).
- ❖ Melahirkan anggota yang bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia dan berwibawa.

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	HALAMAN
1.	Anggota Lembaga Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK)	5
2.	Perutusan Pengerusi	6
3.	Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-41	7-9
4.	Maklumat Korporat	10
5.	Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40	11-20
6.	Senarai Kehadiran Anggota Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40	21-25
7.	Senarai Anggota Lembaga KOPERAK	26
8.	Senarai Jawatankuasa Audit Dalaman	26
9.	Laporan Kemajuan Dan Laporan Aktiviti-Aktiviti Jawatankuasa	27-37
10.	Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman	38
11.	Laporan Dan Kenyataan Kewangan 31 Disember 2022	
	Laporan Juruaudit Bebas	40-43
	Laporan Berkanun Anggota Lembaga	44-45
	Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan	46-47
	Akaun Pembahagian Keuntungan Disatukan	48
	Penyata Pendapatan	49-50
	Penyata Aliran Tunai Disatukan	51-53
	Nota-nota kepada Penyata Kewangan	54-83
12.	Anggaran Penyata Kewangan Tahun 2024	84-86

ANGGOTA LEMBAGA KOPERAK



Duduk Dari Kiri : Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman (**Setiausaha**), Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (**Pengerusi**), Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim (**Timbalan Pengerusi**) dan Puan Haslina Binti Ismail (**Bendahari**)

Berdiri Dari Kiri : Encik Nor Azman Bin Zulkifli (**Anggota Lembaga**), Encik Wan Muhammad Bin Wan Mohd Isa (**Anggota Lembaga**), Encik Mohd Fadzil Bin Abu Bakar (**Anggota Lembaga**), Puan Noor Azleen Binti Kasim (**Anggota Lembaga**), Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan (**Anggota Lembaga**), Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi (**Anggota Lembaga**) Encik Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi (**Anggota Lembaga**), & Encik Muhammad Amirul Ashraf Bin Shahrudin (**Anggota Lembaga -Tiada Dalam Gambar**)

PERUTUSAN PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmatNya dapat saya menyampaikan sepatah dua kata di dalam Buku Laporan Tahunan Mesyuarat Agung Kali Ke-41 Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK) pada tahun ini.



Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan buat YBhg. Datuk Redza Rafiq Bin Abdul Razak, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan semua anggota KOPERAK yang sentiasa memberikan kepercayaan dan sokongan yang berterusan sehingga KOPERAK mampu menjadi sebuah koperasi yang berdaya saing setanding dengan koperasi-koperasi besar yang lain di Malaysia, sehingga meletakkan KOPERAK di kedudukan no. 47 terbaik dalam 100 koperasi di seluruh Malaysia dan berada di kedudukan no. 4 dalam negeri Perak.

Alhamdulillah, dalam memastikan KOPERAK sentiasa dapat memberikan pulangan terbaik kepada anggota-anggotanya iaitu dalam bentuk dividen, KOPERAK sentiasa menjana idea-idea baru dan memanifestasikan sehingga KOPERAK dapat menjana pendapatan sebaiknya. Sehingga kini, KOPERAK telah menambahbaik dan sedang dalam mempelbagaikan aktiviti perniagaan KOPERAK yang relevan di mana mampu memberikan pulangan dan impak positif kepada pendapatan tahunan. KOPERAK juga amat mengalu-alukan sekiranya terdapat anggota yang mempunyai idea-idea yang baru sekaligus dapat meluaskan horizon pemikiran untuk perniagaan yang mampu berdaya saing dan menjadi permintaan di masa kini.

Demi mencapai matlamat tersebut, KOPERAK sentiasa memastikan Anggota Lembaga dan Pengurusan KOPERAK menerima latihan maklumat terkini supaya terlihat dengan lebih intelektual dan berketerampilan agar mampu untuk merealisasikan matlamat seperti yang dirancang.

Dengan ini, saya mencadangkan dividen KOPERAK bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 yang mengambil kira Modal Yuran Anggota dan Modal Syer Anggota Terkumpul sehingga 30 Jun 2022 adalah sebanyak 8% atau keseluruhannya sebanyak RM248,980.96 tertakluk kelulusan Mesyuarat Agung.


Sukacita dimaklumkan juga bahawa dividen yang diumumkan sudah mengambil kira 2.5% bayaran Zakat Perniagaan KOPERAK (termasuk Modal Yuran dan Syer Anggota) di mana bayaran zakat tersebut dibayar kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) pada setiap tahun.

Akhir kalam, saya bagi pihak semua Anggota Lembaga KOPERAK mengucapkan selamat bersidang. Semoga Mesyuarat ini diberkati Allah S.W.T dan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih

**“MENDUKUNG PRINSIP KOPERASI,
BERKHIDMAT UNTUK ANGGOTA”**

Dengan hormatnya,



(KAMARUL BAHRIN BIN BAHARUDIN)
Pengerusi,
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD



Bil (74) dlm KPPB/TADB/14 Jld 3

24 Mei 2023

Kepada
Anggota-Anggota
Koperasi Perbadanan Perak Berhad

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD (KOPERAK) KALI KE EMPAT PULUH SATU (41)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mesyuarat di atas akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

- | | | |
|------------|---|--|
| Tarikh | : | 24 Jun 2023 (Sabtu) |
| Tempat | : | Dewan Kuliah Sri Bintang
Institut Latihan Perindustrian,
Kawasan Perindustrian, Taman Meru,
30020 Ipoh
Perak Darul Ridzuan |
| 9.00 pagi | : | Pendaftaran Anggota |
| | : | Undian Pemilihan Empat (4) orang Anggota Lembaga
dan Tiga (3) orang Anggota Lembaga Simpanan |
| 10.00 pagi | : | Bacaan Doa |
| | : | Ucapan Aluan
Encik Kamarul Bahrin bin Baharudin
Pengerusi,
Koperasi Perbadanan Perak Berhad |
| | : | Ucapan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan
Puan Zainab Binti A Raman
Timbalan Pengarah Pembangunan Koperasi,
Organisasi dan Pengurusan,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak |

- : Penyampaian hadiah pelajaran kepada anak-anak Anggota yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan
 - Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 - Asasi / Matrikulasi
 - Memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
- : Penyampaian Cenderahati
- 11.15 pagi : Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ke Empat Puluh Satu (41) Bermula.

3. Agenda Mesyuarat adalah seperti berikut :-

- 3.1 Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung
- 3.2 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 bertarikh 25 Jun 2022
- 3.3 Membentang Dan Menerima : -
 - a) Laporan Kemajuan Tahunan 2022/2023
 - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman
- 3.4 Menimbang dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022
- 3.5 Menimbang dan meluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2022
- 3.6 Menimbang dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi Tahun 2024
- 3.7 Menentukan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK
- 3.8 Menimbang dan meluluskan Skop dan Had Pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan KOPERAK
- 3.9 Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada firma-firma audit berikut untuk mengaudit akaun-akaun KOPERAK tahun 2023

<ul style="list-style-type: none"> a) Hisham & Co No. 44A Tingkat 1, Jalan Todak 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Perai, Pulau Pinang 	<ul style="list-style-type: none"> c) Kamarul Azhar Consultant, No.9 Blok N, Fasa 1C2, Jalan SM 1C/4, 32040 Sri Manjung, Perak
<ul style="list-style-type: none"> b) AljeffriDean PLT, No. 1A, Jalan Meru Utama A1, Medan Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak 	<ul style="list-style-type: none"> d) Kuzaimi & Co 40 A, Jalan Jernal, Jalan Gombak, Medan Idaman, 53100 Kuala Lumpur
- 3.10 Membahaskan Usul-usul yang disampaikan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya 7 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.

- 3.11 Mengisytiharkan keputusan undian pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK dan Calon Simpanan Anggota Lembaga KOPERAK
 - 3.12 Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk Menentukan Sahnya Deraf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-41
4. Semua Anggota KOPERAK adalah dijemput hadir
 5. Anggota-anggota yang mempunyai sebarang Usul boleh berbuat demikian dengan mengemukakan secara bertulis kepada Setiausaha KOPERAK pada atau sebelum 16 Jun 2023 untuk diperbahaskan di dalam Mesyuarat Agung

Sekian, terima kasih.

**“MENDUKUNG PRINSIP KOPERASI,
BERKHIDMAT UNTUK ANGGOTA”**

Dengan hormatnya,



(NAZATUL HALIPAH BINTI KAMARULZAMAN)
Setiausaha,
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

s.k Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Perak
Tingkat 1, Blok C
Bangunan Persekutuan Ipoh
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

MAKLUMAT KORPORAT

Didaftarkan di Malaysia pada 6 September 1975, No. Pendaftaran KOOP. INST.1

PEJABAT OPERASI	No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak Tel : 05-5251947 Email : 1koperak@gmail.com Facebook : KOPERAK PKNP
WAKTU PEJABAT	8.00 pagi – 5.00 petang (Isnin- Jumaat)
SYARIKAT KUMPULAN	SIKAP UTAMA SDN BHD. (399188-W) dan PANCARAN PERMATA SDN BHD. (536265-A) No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh Perak
BANK	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD Kompleks Islam, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh Perak MAYBANK 277-281 Jalan Silibin, Taman Malcop, 30100 Ipoh Perak
PANEL GUAMAN	MIOR ASSOCIATES 28A-1 Jalan Kamarudin Isa, Fair Park, 31400 Ipoh Perak LOKMAN REENA & CO. No. 43, Room A, Jalan Istana, 30000 Ipoh Perak
JURUAUDIT LUAR	HUZAINI & CO. No. 100 G (First Floor), Persiaran Venice Sutera 8, Desa Manjung Raya, 32200 Lumut Perak

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-40

Tarikh : 25 Jun 2022 (Sabtu)
Masa : 11.15 pagi
Tempat : Pusat Konvensyen Amanjaya,
Hotel Casuarina @ Meru, Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak.

Kehadiran Anggota Lembaga dan Anggota Jawatankuasa Audit Dalam

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin	Pengerusi
2.	Encik Abdul Rahim Bin Bohari @ Bahari, AMP	Timbalan Pengerusi
3.	Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	Setiausaha
4.	Puan Haslina Binti Ismail	Bendahari
5.	Encik Abd Karim Nast Bin Mohd Alias, PPT	Anggota Lembaga
6.	Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim	Anggota Lembaga
7.	Puan Alya Binti Mohamad Safran	Anggota Lembaga
8.	Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan	Anggota Lembaga
9.	Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi	Anggota Lembaga
10.	Encik Mohd Helmi Bin Johor	Anggota Lembaga
11.	Encik Nor Azman Bin Zulkifli	Anggota Lembaga
12.	Encik Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi	Anggota Lembaga
13.	Encik Zaikal Zikry Bin Mansor	Jawatankuasa Audit Dalam
14.	Noor Azlina Binti Che Rashid	Jawatankuasa Audit Dalam

Tidak Hadir Dengan Maaf

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	Puan Rusilawati Binti Mustafa	Jawatankuasa Audit Dalam

Kehadiran Anggota

Seramai 341 orang daripada 461 orang anggota termasuk Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam telah hadir seperti senarai di lampiran.

1.0 Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi Perbadanan Perak Berhad (“KOPERAK”)

Puan Mardiah Binti Sulaiman (Anggota No. 452) telah mencadangkan Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat dan cadangan beliau telah disokong sebulat suara oleh semua anggota.

2.0 Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam (6) Orang Anggota dan Empat (4) Orang Anggota Lembaga Untuk Menentukan Sahnya Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) telah memaklumkan bahawa mesyuarat perlu melantik enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga KOPERAK untuk menentukan sahnya draf minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40.

Bagi memilih enam (6) orang anggota untuk menganggotai jawatankuasa, Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) telah mencadangkan lima (5) anggota dipilih daripada calon tahun 2021 iaitu, Encik Mohamad Syuib Bin Abdul Rahman (Anggota No. 868), Puan Aerma Hayatie Binti Azman (Anggota No. 966), Encik Mohd Safuan Bin Mohd Sidek (Anggota No. 936), Encik Mior Muhamad Amir Bin Mior Shahrin (Anggota No. 995) dan Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360). Manakala satu (1) calon baru iaitu Encik Mohd Faizal Bin Nayan (Anggota No. 772) dipilih bagi menggantikan calon tahun 2021 iaitu Encik Maheswaran A/L Kuppusamy (Anggota No. 401) yang tidak hadir pada MAT kali ini.

Puan Noor Laila Binti Ibrahim (Anggota No. 781) telah mencadangkan untuk menerima perlantikan calon oleh Pengerusi Mesyuarat dan telah disokong oleh Puan Suzainna Binti Muhammad Sepian (Anggota No. 821).

Bagi memilih empat (4) orang wakil daripada Anggota Lembaga KOPERAK, Pengerusi Mesyuarat telah mencadangkan agar perkara ini diberi mandat kepada Anggota Lembaga KOPERAK untuk membuat perlantikan dalam kalangan mereka. Mesyuarat sebulat suara telah bersetuju dengan cadangan tersebut.

3.0 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 Bertarikh 11 September 2021

Setiausaha KOPERAK, Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman (Anggota No. 720) telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-39 bertarikh 11 September 2021 seperti terkandung pada muka surat 10 hingga 23 di dalam Buku Laporan Mesyuarat Agung Tahunan untuk disahkan.

Puan Noor Laila Binti Ibrahim (Anggota No. 781) telah mencadangkan minit mesyuarat tersebut disahkan dan Puan Suzainna Binti Muhammad Sepian (Anggota No. 821) telah menyokong untuk diluluskan.

4.0 Membentang Dan Menerima :-

- a) **Laporan Kemajuan Tahunan Sesi 2021 / 2022**
- b) **Laporan Jawatankuasa Audit Dalam**

Setiausaha KOPERAK, Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman (Anggota No. 720) telah membentangkan Laporan Kemajuan Tahunan Sesi 2021 / 2022 dari muka surat 30 hingga 40 dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam pada muka surat 41 seperti tercatat di dalam Buku Laporan Mesyuarat Agung Tahunan 2021.

Encik Noor Zulizzi Bin Mohd Noor (Anggota No. 916) telah mencadangkan kedua-dua laporan tersebut diterima dan mesyuarat sebulat suara menyokong.

5.0 Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Bendahari KOPERAK, Puan Haslina Binti Ismail (Anggota No. 724) telah membentangkan Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 dari muka surat 42 hingga 91 untuk diluluskan.

Puan Rozita Binti Idris (Anggota No. 841) telah mencadangkan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 diluluskan dan telah disokong oleh Puan Noor Laila Binti Ibrahim (Anggota No. 781).

6.0 Menimbang Dan Meluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2021

Bendahari KOPERAK, Puan Haslina Binti Ismail (Anggota No. 724) telah membentangkan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2021 sebanyak RM228,496.88 pada muka surat 52 untuk diluluskan.

Bendahari juga memaklumkan bahawa Keuntungan Bersih Bagi Tahun Kewangan 31 Disember 2021 telah mengambil kira pembayaran zakat.

Puan Suriani Binti Zainal Abidin (Anggota No. 756) telah mencadangkan untuk diluluskan Akaun Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 dan disokong oleh Puan Faziah Binti Bakar (Anggota No. 352).

7.0 Menimbang Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2023

Bendahari KOPERAK, Puan Haslina Binti Ismail (Anggota No. 724) telah membentangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2021 seperti yang terkandung di muka surat 92 hingga 96 Buku Laporan Mesyuarat Agung Tahunan untuk diluluskan.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah menyatakan hasil semakan beliau bagi anggaran belanjawan tahun-tahun sebelum ini, pencapaian koperasi adalah di bawah *par* yang membawa maksud jumlah belanjawan tidak menggambarkan pencapaian sebenar yang diperolehi dan tiada nilai input dalam belanjawan tersebut. Beliau telah meminta agar belanjawan bagi 2023

ini dipinda semula dan dibentangkan sebelum Oktober 2022 secara e-mel kepada anggota.

Bendahari KOPERAK, Puan Haslina Binti Ismail (Anggota No. 724) telah mengambil maklum dan akan menilai semula pencapaian bagi tahun sebelum ini dan merangka semula belanjawan akan datang.

Pengerusi KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) telah memaklumkan bahawa belanjawan 2023 ini perlu diluluskan terlebih dahulu tanpa pindaan dan akan menilai dan merangka semula pencapaian untuk tahun 2024. Ianya perlu dibawa ke MAT yang akan datang bagi meluluskan pindaan tersebut.

Puan Rozita Binti Idris (Anggota No. 841) telah mencadangkan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2023 untuk diluluskan dan disokong oleh Puan Azaliza Binti Hidzer (Anggota No. 363).

8.0 Menentukan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK

Bendahari KOPERAK, Puan Haslina Binti Ismail (Anggota No. 724) telah mencadangkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK sebanyak RM15 juta untuk diluluskan oleh anggota.

Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) telah mengemukakan pertanyaan iaitu apakah asas untuk memohon Had Maksima Keterhutangan KOPERAK sebanyak RM15 juta sedangkan laporan kewangan enam (6) tahun kebelakang tidak menampakkan kemampuan / keperluan KOPERAK untuk memohon jumlah tersebut.

Pengerusi KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) memaklumkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK sebanyak RM15 juta adalah peruntukan KOPERAK yang mengambilkira pinjaman semasa / sedia ada dengan SKM berjumlah kira-kira RM10 juta. Selebihnya ialah tambahan jika ada projek-projek yang memerlukan sumber kewangan lain, maka pinjaman melalui bank masih boleh dibuat dalam jumlah RM5 juta.

Puan Rini Surainy Binti Mohamed Sulaihin (Anggota No. 1091) telah mencadangkan Had Maksima Keterhutangan KOPERAK untuk diluluskan dan disokong oleh Encik Mohamed Yusof Bin Mohd Nordin (Anggota No. 730).

9.0 Menimbang Dan Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK

Bendahari KOPERAK, Puan Haslina Binti Ismail (Anggota No. 724) telah mencadangkan Skop Dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan KOPERAK dengan jumlah yang dihadkan sebanyak RM15 juta dipertimbang untuk diluluskan.

Encik Kamarudin Bin Abd Rahman (Anggota No. 555) telah mencadangkan perkara tersebut diluluskan dan telah disokong oleh Encik Abdul Razak Bin Taharim (Anggota No. 238).

10.0 Meluluskan Perlantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Firma-Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun KOPERAK Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

Bendahari KOPERAK, Puan Haslina Binti Ismail (Anggota No. 724) telah mengemukakan empat (4) calon panel firma audit untuk mengaudit akaun-akaun KOPERAK bagi tahun 2022 untuk dipilih oleh anggota dan mencadangkan supaya mesyuarat memberi mandat kepada Anggota Lembaga KOPERAK untuk melantik satu (1) firma juruaudit yang berkelayakan untuk melaksanakan pengauditan akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Encik Sulaiman Bin Ahmad (Anggota No. 360) telah mencadangkan perkara di atas diterima dan mesyuarat telah sebulat suara menyokong.

11.0 Membahaskan Usul-Usul Yang Disampaikan Kepada Setiausaha KOPERAK Pada Atau 7 Hari Sebelum Mesyuarat Agung Tahunan

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) terlebih dahulu telah memaklumkan bahawa memandangkan kehadiran anggota pada masa mesyuarat dimulakan tidak mencapai 2/3 daripada jumlah keseluruhan anggota (tidak cukup kuorum) maka sebarang usul yang dicadangkan tidak boleh diluluskan serta merta. Usul hanya boleh dipersetujui oleh majoriti yang hadir dan perlu dimasukkan sebagai Agenda Khas untuk kelulusan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-41.

Setiausaha KOPERAK, Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman (Anggota No. 720) telah memaklumkan sehingga tarikh tutup usul pada 18 Jun 2022, terdapat empat (4) usul yang diutarakan iaitu tiga (3) usul diterima daripada Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580) dan satu (1) usul diterima daripada Encik Zaffani Bin Azul Islami (Anggota No. 746) untuk dibahaskan seperti berikut :-

Tiga (3) Usul daripada Encik Abdul Aziz Bin Subali (Anggota No. 580)

Usul 1 :

Merujuk surat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Perak.

Rujukan : SKM.Pk (IPH):5/1/103/JLD.8(15)

Tarikh : 18 November 2021

1) Penjelasan berhubung Aturan Mesyuarat Secara *Virtual* dan *Hybrid*.

Para 2 (ii) surat SKM : Usul supaya UUK dipinda berhubung mengadakan mesyuarat secara *Virtual* dan *Hybrid*.

Koperasi dinasihatkan untuk menyediakan aturan mesyuarat secara virtual dan hybrid sahaja tanpa membuat pindaan UUK kerana ia melibatkan banyak peruntukan untuk dipinda di dalam UUK. Aturan tersebut hendaklah dibentang di dalam mesyuarat agung untuk kelulusan dan dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan oleh mesyuarat agung ini.

Cadangan :

Dicadangkan aturan mesyuarat secara *virtual* dan *hybrid* dibentangkan dalam mesyuarat agung ini.

Maklum Balas :

Pengerusi KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618) telah memaklumkan sepertimana sebelum ini, MAT telah diadakan secara fizikal. Namun apabila negara dilanda wabak pandemik COVID-19 dan selaras dengan arahan daripada pihak SKM, MAT bagi tahun 2021 telah dijalankan secara *hybrid* memandangkan kesemua sektor perniagaan, ekonomi, sosial serta sukan telah ditutup bagi membendung wabak tersebut.

Bermula 1 April 2022, negara Malaysia telah beralih ke fasa endemik dan pelbagai sektor telah dibuka keseluruhannya serta dibenarkan beroperasi dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dilonggarkan. MAT dibenarkan dibuat secara fizikal semula. Justeru itu tiada keperluan untuk MAT dibuat secara *virtual* ataupun *hybrid*.

Setiausaha KOPERAK juga telah menambah aturan mesyuarat secara *virtual* ataupun *hybrid* ini bukanlah suatu pilihan. Berdasarkan MAT tahun 2021, KOPERAK mengadakan MAT secara *hybrid* berpandukan kepada arahan pihak SKM.

Pengerusi Mesyuarat seterusnya telah membuat undian untuk menentukan sama ada usul ini diterima atau ditolak. Hasil undian tersebut mendapati 114 anggota telah menolak usul yang dicadangkan manakala enam (6) anggota telah menerima usul tersebut. Oleh itu usul tersebut ditolak.

Usul 2 :**Surat KOPERAK kepada Anggota-Anggota bertajuk KEDUDUKAN ANGGOTA LEMBAGA BERSARA DAN ANGGOTA bertarikh 30 Disember 2021**

Surat ini merupakan surat iringan kepada surat SKM di atas.

Para 7 surat berkenaan :

“Pada masa yang sama satu kajian terhadap UUK 36(1)(f) akan dirujuk kepada SKM untuk pentakrifan lanjut. Justeru Anggota Lembaga dan Pengurusan KOPERAK bersetuju menggunakan surat SKM sebagai asas sebelum kajian dan pentakrifan UUK 36(1)(f) diperhalusi lagi”.

Cadangan :

Dicadangkan dibentangkan dan penerangan maksud kajian UUK 36(1)(f).

Maklum Balas :

Setiausaha KOPERAK, Puan Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman (Anggota No. 720), telah menerangkan maksud kajian UUK 36(1)(f) adalah merupakan surat penjelasan yang dikeluarkan kepada anggota bahawa tiada seorang pun layak menjadi Anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang Anggota Lembaga jika dia telah bersara dari pekerjaannya tertakluk kepada perenggan (d) undang-undang kecil 22 – tidak layak dipilih sebagai anggota Lembaga.

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742), seterusnya telah membuat undian untuk mendapatkan kelulusan usul ini sama ada diterima atau ditolak. Hasil undian tersebut mendapati 114 anggota tidak menerima usul yang dicadangkan manakala hanya enam (6) anggota menerima. Oleh itu usul tersebut telah ditolak.

Usul 3 :

MENGHADKAN TEMPOH AHLI LEMBAGA BERADA DALAM LEMBAGA KOPERAK

Pada masa ini, seseorang ahli KOPERAK boleh menjadi Ahli Lembaga tanpa had tempoh. Ahli Lembaga yang gugur setelah tamat tempohnya boleh menawarkan diri untuk dilantik semula melalui pemilihan ahli Lembaga Pengarah.

Semakan mendapati empat (4) orang dari Lembaga Pengarah kini telah dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah semenjak tahun 2012 hingga 2022. Secara kumulatifnya mereka telah menduduki keahlian dalam Lembaga Pengarah selama 10 tahun tanpa putus.

Cadangan :

Dicadangkan seseorang ahli Lembaga Pengarah tidak dicalonkan semula untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah setelah melalui dua (2) kali pencalonan berturut-turut. Ahli tersebut boleh menawarkan diri untuk pencalonan setelah melalui edah (tempoh bertenang / berehat) selama satu tahun.

Rasional :

- i. Untuk memberi ruang kepada bakat-bakat baru / Ahli Lembaga *Junior* menerajui tampuk kepimpinan KOPERAK.
- ii. Untuk mewujudkan satu *Talent Pool* demi perancangan *Succession Planning* KOPERAK.

Maklum Balas :

Pengerusi KOPERAK, Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin (Anggota No. 618), telah menerangkan bahawa Anggota Lembaga KOPERAK telah dilantik oleh anggota-anggota KOPERAK itu sendiri secara undian. Justeru itu, ianya tidak perlu mengikut tempoh dua (2) tahun berturut-turut atau sebagainya kerana anggota KOPERAK akan melantik Anggota Lembaga yang dirasakan layak. Untuk makluman, Anggota Lembaga / Anggota Bersara sebelum ini akan melepaskan jawatan yang dipegang apabila telah cukup tempoh lantikan.

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) seterusnya telah membuat undian untuk mendapatkan kelulusan usul ini sama ada diterima atau ditolak. Hasil undian tersebut mendapati seramai 138 anggota menolak usul yang dicadangkan manakala tujuh (7) anggota telah menerima usul tersebut. Oleh itu usul tersebut ditolak.

Usul seterusnya daripada Encik Zaffani Bin Azul Islami (Anggota No. 746)

Usul :

KOPERAK telah ditubuhkan pada 1975 bertujuan untuk menubuhkan sebuah Koperasi kepada penjawat yang bekerja di Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk). Setelah berpuluh tahun masa telah berlalu, ramai di kalangan anggota KOPERAK telah pun bersara daripada PKNPk dan masih lagi menjadi anggota KOPERAK. Bilangan ini akan bertambah kerana ramai lagi di kalangan anggota KOPERAK akan bersara daripada PKNPk dari masa ke semasa. Oleh itu, Merujuk kepada Undang-Undang Kecil 22 : Anggota Bersara “ (d) tidak layak untuk dipilih sebagai Anggota Lembaga dan Undang-Undang Kecil 36 (1) : Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga : Tiada seorang pun layak menjadi Anggota Lembaga atau kekal sebagai Anggota Lembaga, jika dia – (f) telah bersara dari pekerjaannya tertakluk kepada perenggan (d) UUK 22.

Sehubungan dengan itu, saya ingin membawa usul :

Undang-Undang Kecil 22 (d) dan Undang-Undang Kecil 36 (1)(f) diubah supaya Anggota yang telah bersara daripada PKNPk dibenarkan untuk menjadi sebagai salah seorang Anggota Lembaga Koperasi (ALK). Ini adalah berasaskan kepada peningkatan bilangan anggota yang telah bersara daripada PKNPk dan juga jumlah caruman modal mereka yang telah bersara di dalam KOPERAK adalah di antara yang tertinggi di dalam KOPERAK.

Maklum Balas :

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) telah memaklumkan bahawa cadangan pindaan UUK ini perlu mempunyai jumlah kuorum mesyuarat yang mencukupi iaitu 2/3 daripada jumlah anggota. Namun demikian, kita tidak mempunyai kuorum yang mencukupi bagi MAT kali ini.

Walau bagaimanapun, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang telah bersara ini dibenarkan untuk menawarkan diri menjadi calon ALK dan sekiranya ditolak, calon tersebut boleh dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa biasa dengan kapasiti pengalaman calon sepanjang menjadi Anggota Lembaga terdahulu.

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) seterusnya telah membuat undian untuk mendapatkan kelulusan Usul ini sama ada diterima atau ditolak. Hasil undian tersebut mendapati 77 anggota telah menolak usul yang dicadangkan manakala 70 anggota telah menerima. Oleh itu usul tersebut telah ditolak.

12.0 Mengisytiharkan Keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK dan Calon Simpanan Anggota Lembaga KOPERAK

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) telah mengisytiharkan keputusan undian pemilihan Anggota Lembaga KOPERAK bagi tahun 2022 adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Anggota	No. Anggota	Butiran
1.	Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan	791	Lantikan semula
2.	Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim	768	Lantikan semula
3.	Encik Wan Muhammad Bin Wan Mohd Isa	837	Lantikan baru
4.	Puan Noor Azleen Binti Kasim	632	Lantikan baru
5.	Encik Muhammad Amirul Ashraf Bin Shaharudin	914	Simpanan
6.	Encik Mohd Fadzil Bin Abu Bakar	855	Simpanan
7.	Encik Mohd Herwan Bin Razali	1034	Simpanan

13.0 Penutup

Pengerusi Mesyuarat, Encik Abd Aziz Bin Abd Rahim (Anggota No. 742) merakamkan penghargaan ucapan terima kasih kepada semua anggota yang hadir dan telah memberikan kerjasama serta komitmen terbaik dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ke-40. Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 1.37 petang.

Disediakan oleh :-



(NAZATUL HALIPAH BINTI KAMARULZAMAN)
Setiausaha,
KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 telah ditentukan sahnyanya melalui Mesyuarat Menentu Sah Minit pada 7 Julai 2022 (Khamis), jam 3.00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat KOPERAK, 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.



(MEGAT GHAZALI BIN ABDUL KARIM)

Anggota Lembaga : 768



(HASLINA BINTI ISMAIL)

Anggota Lembaga : 724




(ISNOR FAZNI BINTI ABU HASSAN)

Anggota Lembaga : 791



(SYED OMAR HUZAIMI BIN SYED GHAIBI)

Anggota Lembaga : 1027




(MOHAMAD SYUIB BIN ABDUL RAHMAN)

Anggota : 868



(AERMA HAYATIE BINTI AZMAN)

Anggota : 966



(MOHD SAFUAN BIN MOHD SIDEK)

Anggota : 936



(TPr. MOHD FAIZAL BIN NAYAN)

Anggota : 772



(MIOR MUHAMAD AMIR BIN MIOR SHAHRIN)

Anggota : 995



(SULAIMAN BIN AHMAD)

Anggota : 360

SENARAI KEHADIRAN ANGGOTA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-40

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
1	A Elanggoven A/L Arunasalam	557
2	Abd Aziz Bin Abd Rahim	742
3	Abd Karim Nast Bin Mohd Alias	105
4	Abd Majid Bin Abu Othman	89
5	Abd Rashid Bin Abd Rahim	852
6	Abdul Aziz Bin Adnan	475
7	Abdul Aziz Bin Subali	580
8	Abdul Aziz Bin Wok Ghazali	351
9	Abdul Muiz Bin Roslan	1048
10	Abdul Rahim Bin Bohari@Bahari	517
11	Abdul Rahman Bin Ab Talib	873
12	Abdul Rais Bin Abdul Rashid	534
13	Abdul Razak Bin Abu Hassan	101
14	Abdul Razak Bin Taharim	238
15	Abdullah Hakim Bin Mohammed Saidi	1127
16	Abu Azlan Bin Abu Kassim	874
17	Adi Azrul Bin Amir	753
18	Aerma Hayatie Binti Azman	966
19	Ahmad Al-Hadi Bin Abdul Khalid	823
20	Ahmad Faisal Bin Ibrahim	607
21	Ahmad Hisham Bin Saad	771
22	Ahmad Kamal Bin Mahamud	909
23	Ahmad Nazri Bin Saidin	600
24	Ahmad Nazrin Bin Ahmad Nizam	971
25	Ahmad Sapian Bin Tabri	185
26	Ahmad Shahril Bin Zam Zam Amin	965
27	Ahmad Shahrom Bin Mohd Razali	466
28	Ahmad Shamsuri Bin Abdul Manaf	777
29	Ahmad Tarmizi Bin Suzailie	928
30	Ahmad Zamri Bin Abdul Samad	204
31	Ahmad Zuhilmi Bin Zainal Abidin	1002
32	Aidee Radzwan Bin Rosidi	818
33	Ajinah Binti Aziri	668
34	Akmal Bin Mohamed Isa	1129
35	Alias Bin Ibrahim	235
36	Alya Binti Mohamad Safran	812
37	Annromeda Zeti Binti Annuar	478

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
38	Aqlan Hanis Bin Mohd Asri	1138
39	Arif Fadillah Bin Shamlan	920
40	Asilatul Izzati Binti Shuhaimi	787
41	Azaliza Binti Hidzer	363
42	Azhar Bin Raais	306
43	Aziatun Azni Binti Abd Samat	656
44	Azizan Bin Said	69
45	Azlini Binti Azizdin Shah	774
46	Azman Bin Hamid	765
47	Azmaria Binti Azman	822
48	Azmi Bin Yahaya	90
49	Azrin Shah Bin Anizam	1082
50	Azrol Bin Abu Bakar	935
51	Bani Arafat Bin Mohamed Yunus	1131
52	Che Rosni Binti Ismail	218
53	Che Wan Binti Hashim	593
54	Chithra Devi A/P Subramaniam	1093
55	El Ida Binti Mohd Idris	214
56	Elina Binti Abu Zahar	844
57	Emi Marlina Binti Sayah	1025
58	Ernie Yusriza Binti Musa	833
59	Fadhlan Bin Hod	894
60	Faizah Binti Isa	197
61	Faridah Binti Baharum	278
62	Faridah Binti Kadir Maidin	187
63	Farrah Sakinah Binti PP Abdul Satar	925
64	Fausiah Binti Adham	394
65	Fauziah Binti Shuaib	602
66	Faziah Binti Bakar	352
67	Fazilah@Fauziah Binti Abdullah	176
68	Goradial Singh A/L Ban Singh	524
69	Hafiza Binti Ramli	507
70	Hafizar Bin Mat Piah	425
71	Halimatun Saadah Binti Mior Zanal Abidin	276
72	Halimatun Saadiah Binti Jali	661
73	Haliza Binti Shafiai	354
74	Harun Bin Amat Noor	406
75	Haryati Binti Halimi	1099
76	Haslina Binti Ismail	724
77	Haslinda Binti Mohd Kamal	715
78	Hizad Bin Ismail	701

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
79	Idris Bin Mat Desa	261
80	Ika Riana Binti Kamarudin	815
81	Ismail Bin Safian Suri	287
82	Isnor Fazni Binti Abu Hassan	791
83	Ispha Anna Binti Ishak	1010
84	Jaafar Bin Baharin	1
85	Jamaludin Bin Jamli	1119
86	Jameela Binti Abdul Aziz	782
87	Jamuna Nair A/P Krishnan	1106
88	Kamariah Binti Ahmad	763
89	Kamarudin Bin Abd Rahman	555
90	Kamarul Bahrin Bin Baharudin	618
91	Kamarul Nadzimuddin Bin Ismail	977
92	Kamarulzaman Bin Hasan	53
93	Kasturi Letchumi A/P Palanivel	1103
94	Khairul Anuar Bin Che Din	957
95	Khairul Salleh Bin Abdul Rahim	583
96	Khairun Nizam Bin Sarbani	810
97	Khalijah Salwa Binti Ibrahim	510
98	Khusiah Binti Mohd	229
99	Ku Sheena Binti Ku Delly	910
100	Lailatul Binti Bahari	343
101	Lailatussaadah Binti Abd Hamid	576
102	Lee Kah Jin	1069
103	Lili Hayanis Binti Nazri	939
104	Liyana Binti Mohd Hassan	1015
105	Maisarah Binti Abdul Latif	1011
106	Maisarah Binti Mansor	737
107	Maizurah Binti Md Yusoff	825
108	Mardiah Binti Sulaiman	452
109	Mazlan Bin Shamsuddin	296
110	Md Shaizatul Azam Bin Che Soda	1005
111	Megat Albakish Bin Megat Ismail	236
112	Megat Amir Hakim Bin Megat Shariffudin	1114
113	Megat Amirul Hafiz Bin Megat Nuruddin	842
114	Megat Ghazali Bin Abdul Karim	768
115	Megat Syamsul Ma'arif Bin Megat Abdul Rani	911
116	Mior Faidz Bin Wahid	335
117	Mior Muhamad Amir Bin Mior Shahrin	995
118	Mohamad Azizal Bin Shubali	119
119	Mohamad Akram Bin Aminuddin	1041
120	Mohamad Alhafiz Bin Jaafar	895
121	Mohamad Hafiz Bin Sulaiman	837

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
122	Mohamad Harris Fitri Bin Mohamad Fadzir	1094
123	Mohamad Irfan Bin Ngah Othman	797
124	Mohamad Najib Bin Mat Lazim	116
125	Mohamad Onn Bin Othman	875
126	Mohamad Saiful Bin Anuar	1135
127	Mohamad Syuib Bin Abdul Rahman	868
128	Mohamad Tharwan Bin Ahmad Sukri	1067
129	Mohamed Yusof Bin Mohd Nordin	730
130	Mohammad Askari Bin Che Omar	1141
131	Mohammad Fizrus Bin Zulkifli	1109
132	Mohammad Hazrul Rozaidi Bin Abdul Manan	1029
133	Mohammad Nizam Bin Masari	743
134	Mohammad Rosdi Bin Abu Said	991
135	Mohammad Zulhelmy Bin Shafiee	883
136	Mohammed Jamil Bin Zainuldin	299
137	Mohd Amirul Bin Basharuddin	707
138	Mohd Azian Bin Abdul Hamid	657
139	Mohd Azrul Bin Ahmad Tahir	803
140	Mohd Azrul Izwan Bin Mohd Hashim	793
141	Mohd Fadzil Bin Abu Bakar	855
142	Mohd Fadzri Bin Mohd Zaini	749
143	Mohd Faizal Bin Nayan	772
144	Mohd Faris Adha Bin Ismail	945
145	Mohd Fariz Firdaus Bin Mohd Hashim	804
146	Mohd Hafifi Hafidz Bin Salleh	867
147	Mohd Hafiszal Bin Taid	887
148	Mohd Hafizuddin Bin Mohd Hanafi	1066
149	Mohd Helmi Bin Johor	764
150	Mohd Helmi Husaini Bin Mohd Noh Yap	799
151	Mohd Herwan Bin Razali	1034
152	Mohd Jefri Bin Azam Shakri	1087
153	Mohd Noor Azizi Bin Ayub	141
154	Mohd Noor Bin Abdul Wahab	1055
155	Mohd Nor Azman Bin Hider	523
156	Mohd Ridzuan Bin M. Yusof	796
157	Mohd Rozaidi Bin Din	824
158	Mohd Safuan Bin Mohd Sidek	936
159	Mohd Shafferi Bin Ngah Othman	232

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
160	Mohd Shahrir Bin Mohd Noor	685
161	Mohd Suhaimi Bin Md Noor	228
162	Mohd Yazan Bin Isa	712
163	Mohd Yusof Bin Baharom	708
164	Mohmad Sazalli Bin Omar	190
165	Muhamad Abdul Azim Bin Kamaruddin	1001
166	Muhamad Adli Bin Pairazi	1047
167	Muhamad Akhir Bin Ismail	968
168	Muhamad Asyraf Bin Ahmad Dafri	1089
169	Muhamad Azizi Bin Muhamad Idrus Shaidi	1072
170	Muhamad Iqwan Bin Rusli	1071
171	Muhamad Ridza Bin Abdul Mutalib	805
172	Muhamad Rossairi Bin Ruslan	819
173	Muhamad Syahrin Bin Abd Ghani	851
174	Muhamad Syuhada Bin Saad Zenal Abidin	879
175	Muhammad Amirul Rashid Bin Mohamad Firuz	1116
176	Muhammad Anwar Firdaus Bin Zainal Arif	943
177	Muhammad Azmi Bin Abdul Aziz	798
178	Muhammad Bin Saffian	540
179	Muhammad Fazril Bin Zulkhifly	988
180	Muhammad Isiaq Bin Shaiful Hisham	877
181	Muhammad Izham Bin Ruslan	993
182	Muhammad Nazren Nazmi Bin Mohamad Zainuddin	1008
183	Muhazli Bin Mohd Saaid	859
184	Muleni Binti Abu Hassan	477
185	Mustaza Bin Mustafa	947
186	Muza'eyah Binti Mohd Esa	327
187	Nadiyah@Siti Norsuzeilla Binti Mohd Noh	1092
188	Nadiyah Binti Omar Baki	918
189	Naimah Binti Abd Latif	464
190	Nasiha Sakina Binti Nawawi	1108
191	Natasha Binti Azizan	792
192	Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman	720
193	Noor Ainon Binti Jaafar	548
194	Noor Anis Syakirah Binti Bidres	960
195	Noor Azleen Binti Kasim	1012
196	Noor Fatimah Binti Zulkefli	390
197	Noor Hayati Binti Osman	9

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
198	Noor Laila Binti Mohmad Ibrahim	781
199	Noor Maztureena Binti Mohd Nasiruddin	978
200	Noor Shamimi Binti Isa	754
201	Noor Zulizzi Bin Mohd Noor	916
202	Noorhaslina Binti Mat Ali	274
203	Noormah Binti Ismail	589
204	Nor Atira Binti Wazih	1123
205	Nor Azirashikin Binti Abdullah	809
206	Nor Azleen Binti Zamri	816
207	Nor Azlina Binti Che Rashid	1134
208	Nor Azman Bin Mohd Salleh	81
209	Nor Azman Bin Zulkifli	828
210	Nor Farahiah Binti Razelan	1096
211	Nor Hafizah Binti Badarudin	725
212	Nor Rashidah Binti Mohamad Salleh	876
213	Norafidah Binti Omar	832
214	Noraida Binti Bukhari	503
215	Norain Binti Idris	862
216	Norazlin Binti Mustapha	907
217	Norehan Binti Abdul Rahman	624
218	Norhashimah Binti Ahmad Fauzi	1088
219	Norliza Binti Mohamed	481
220	Norlydiana Binti Haris Phadzilah	740
221	Norsyaira Binti Othman	933
222	Norwazi Binti Abdul Wahab	522
223	Nur Adina Furzanne Binti Abdullah	836
224	Nur Arena Zarifah Binti Abdullah	1130
225	Nur Azura Binti Abdul Khamin	645
226	Nur Dini Binti Ibrahim	891
227	Nur Faizah Binti Abd Hamid	835
228	Nur Farhana Hanim Binti Mohd Sabri	735
229	Nur Hazwani Binti Abdul Razak	905
230	Nur Juliana Kam Binti Harrith Kam	952
231	Nur Ramziyah Binti Muhamad Halil	912
232	Nur Rashidah Binti Mohammad Ramly	788
233	Nur Rusidah Haneer Binti Abdul Hamid	1017
234	Nur Samsiah Binti Majid	664
235	Nur Shafeena Binti Yussoff Khan	813

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
236	Nur Shahira Binti Mohamad Rossidi	1052
237	Nur Sobiha Aqilah Binti Mohd Suhaimi	801
238	Nurarifah Binti Ahmad Mokhtar	1124
239	Nurfarah Khairin Binti Ahmad Khairi	860
240	Nurlina Farhana Binti Ahmad Fuad	838
241	Nursyafiqah Binti Zamri	975
242	Nurul Afidah Binti Jamean	629
243	Nurul Amirah Binti Mohamad Fadzil	1095
244	Nurul Ammelina Izlin Binti Zulkifli	1121
245	Nurul Farina Binti Mohd Noor	1068
246	Nurul Hidayah Binti Abd Rahman	1045
247	Nurul Husna Binti Mohd Zaidi Ng	795
248	Nurul Nadiah Binti Ahmad Shahar	985
249	Nurul Shakina Binti Mohd Hanafiah	1107
250	Nurul Shahida Binti Ahmad Razi	808
251	Nurzia Binti Mohamed Yusof	850
252	Omar Bin Shaari	223
253	Osman Bin Zainal Abidin	111
254	Palanivel A/L Rajagopal	830
255	Puteh Kushariah Binti Nadzri	723
256	Puteri Zalina Binti Megat Ishak	490
257	Rahayu Binti Abdul Hamid	655
258	Rahayu Binti Othman	676
259	Rahim Azudin Bin Jamaludin	709
260	Rahtiah Fazilah Binti Mohamad@Che Omar	755
261	Raja Azura Shamim Binti Raja Mohd Zamani	1102
262	Ramlah Binti Ramli	64
263	Ramli Bin Selamat	932
264	Rashidah Nadiah Binti Mohamad Rossidi	1046
265	Rini Surainy Binti M. Sulaihin	1091
266	Rizal Bin Abdul Hamid	757
267	Rodiah Binti Mat Sum	591
268	Rohaiza Binti Mohamed	814
269	Rohani Binti Abd Samad	330
270	Rohani Binti Mohamed Yusoff	326
271	Rohizad Bin Ariffin	938
272	Rojipah Binti Kamaruddin	311
273	Roslin Bin Mokhtar	61

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
274	Rosmi Binti Shahrul	210
275	Rosni Binti Mohd Din	120
276	Rozaireen Binti Abdul Rahim	643
277	Roziman Bin Rosman	338
278	Rozita Binti Hawari	956
279	Rozita Binti Idris	841
280	Ruhani Binti Shafiei	87
281	Rusnidar Binti Samsudin	673
282	Saa'dah Binti Mohamad	840
283	Saimaah Binti Ijar	566
284	Salafiah Binti Abas	224
285	Salahuddin Bin Idris	846
286	Salehhodin Bin Aman	180
287	Salmah Binti Mohamed Ismail	374
288	Saluga Bin Abdul Hamid	811
289	Samsuri Bin Yusof	758
290	Sayed Mohd Zaris Bin Sayed Osman	525
291	Sayed Shariffuddin Bin Sayed Shamshuddin	502
292	Sayuddin Bin Mohd Isa	297
293	Sazaruddin Bin Said	449
294	Shahariah Binti Adam	319
295	Shahrul Rizal Bin Shariffudin	820
296	Shakila Binti Mohd Nazri	834
297	Shalwa Binti Mohd Ariff	314
298	Sharidatul Nadia Binti Ahmad Dapli	785
299	Sharifah Nor Hashimah Binti Syed Kamaruddin	625
300	Sheikh Nor Azman Bin Sheikh Azmi	1132
301	Siti Binti Mustafa	219
302	Siti Idayu Binti Abd Ghani	767
303	Siti Munirah Binti Mat Tahir	1053
304	Siti Nur Shawalni Izatti Binti Mohd Taufik	1030
305	Siti Sara Binti Idris	1016
306	Sofayzah Binti Zulkifli	619
307	Suffian Bin Zainan	1098
308	Sulaiman Bin Ahmad	360
309	Suriani Binti Zainal Abidin	756
310	Suzainna Binti Muhammad Sepian	821
311	Suzana Binti Adham	644
312	Syarifah Norrushda Binti Syed Mohamed Noor	762
313	Syed Azman Bin Syed Khalid	640
314	Syed Cholan Bin Syed Hitam	134
315	Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi	1027

Bil	Nama Anggota	Anggota No.
316	Tahiruddin Bin Samsudin	531
317	Umar Bin Abu	302
318	Wan Abu Yazid Bustami Bin Wan Mokhter	999
319	Wan Hamdan Bin Wan Mat Isa	605
320	Wan Hanie Liza Binti Wan Mohd Ali	829
321	Wan Mohamad Zamani Bin Uda Mohammad	382
322	Wan Muhammad Bin Wan Mohd Isa	678
323	Yam Hann Chuan	1075
324	Yuhani Binti Md Yusof	62
325	Zaffani Bin Haji Azul Islami	746
326	Zaiful Affat Bin Jalaludin	480
327	Zaikal Zikry Bin Mansor	1006
328	Zaireen Binti Zainal	861
329	Zaiton Binti Abidin @ Zainal Abidin	313
330	Zaleha Binti Baharudin	207
331	Zanariyatul Wahidah Binti Rohana	726
332	Zarina Binti Chik Ri	577
333	Zawiyah Binti Ghazali	532
334	Zianal Hayati Binti Ngah Samad	318
335	Zul Effizal Bin Mohamad Saad	962
336	Zulhusmi Bin Mohd Zahudi	997
337	Zulkifli Bin Ahmad Husin	1059
338	Zulkifli Bin Mansor	237
339	Zuraida Binti Zainol	736
340	Zuraidah Binti Umar	15
341	Zurul 'Ain Izzaty Binti Jantan	1105

SENARAI ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2022/2023

ANGGOTA LEMBAGA

PENGERUSI	KAMARUL BAHRIN BIN BAHARUDIN
TIMBALAN PENGERUSI	MEGAT GHAZALI BIN ABDUL KARIM
SETIAUSAHA	NAZATUL HALIPAH BINTI KAMARULZAMAN
BENDAHARI	HASLINA BINTI ISMAIL
ANGGOTA LEMBAGA	ISNOR FAZNI BINTI ABU HASSAN
ANGGOTA LEMBAGA	AIDEE RADZWAN BIN ROSIDI
ANGGOTA LEMBAGA	NOR AZMAN BIN ZULKIFLI
ANGGOTA LEMBAGA	SYED OMAR HUZAIMI BIN SYED GHAIBI
ANGGOTA LEMBAGA	WAN MUHAMMAD BIN WAN MOHD ISA
ANGGOTA LEMBAGA	NOOR AZLEEN BINTI KASIM
ANGGOTA LEMBAGA	MUHAMMAD AMIRUL ASHRAF BIN SHAHARUDIN
ANGGOTA LEMBAGA	MOHD FADZIL BIN ABU BAKAR

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

KETUA JURUAUDIT	RUSILAWATI BINTI MUSTAFA
JURUAUDIT	ZAICAL ZIKRY BIN MANSOR
JURUAUDIT	NOOR AZLINA BINTI CHE RASHID

LAPORAN KEMAJUAN SESI 2022/2023

Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera,

Anggota-anggota KOPERAK yang dihormati,

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan KOPERAK Kali Ke-41 secara bersemuka dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Atas rasa penuh kesyukuran dan tanggungjawab, Anggota Lembaga KOPERAK dengan sukacitanya membentangkan Laporan Kemajuan bagi sesi 2022/2023 dan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-41 ini.

1. Perlantikan Anggota Lembaga

Pada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-40 bertarikh 25 Jun 2022, melalui pemilihan undian tujuh (7) orang Anggota Lembaga telah dipilih seperti berikut :-

Bil.	Nama Anggota	Anggota No.	Butiran
i)	Puan Isnor Fazni Binti Abu Hassan	791	Lantikan semula
ii)	Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim	768	Lantikan semula
iii)	Encik Wan Muhammad Bin Wan Mohd Isa	837	Lantikan baru
iv)	Puan Noor Azleen Binti Kasim	632	Lantikan baru
v)	Encik Muhammad Amirul Ashraf Bin Shahrudin	914	Simpanan
vi)	Encik Mohd Fadzil Bin Abu Bakar	855	Simpanan
vii)	Encik Mohd Herwan Bin Razali	1034	Simpanan

2. Jawatankuasa Audit Dalaman

Selaras dengan seksyen 42A(1) Akta Koperasi Pindaan 2007, Anggota Lembaga telah melantik penama-penama di bawah sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sesi 2022/2023.

Bil	Jawatankuasa Audit Dalaman	Anggota No.
i)	Rusilawati Binti Mustafa	482
ii)	Zaikal Zikry Bin Mansor	1006
iii)	Noor Azlina Binti Che Rashid	1134


3. Mesyuarat Anggota Lembaga KOPERAK

Bagi tempoh sesi 2022/2023 Mesyuarat Anggota Lembaga telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali, dengan kehadiran seperti berikut :-

Bil	Nama/Jawatan	2022		2023					
		25/6	13/10	2/2	19/4	11/5	12/6	20/6	Jumlah hadir
i)	Kamarul Bahrin Bin Baharudin Pengerusi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
ii)	Megat Ghazali Bin Abdul Karim Timbalan Pengerusi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
iii)	Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman Setiausaha	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
iv)	Haslina Binti Ismail Bendahari	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
v)	Isnor Fazni Binti Abu Hassan Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
vi)	Aidee Radzwan Bin Rosidi Anggota Lembaga	✓	-	✓	✓	-	✓	✓	5/7
vii)	Nor Azman Bin Zulkifli Anggota Lembaga	✓	-	✓	✓	-	✓	✓	5/7
viii)	Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
ix)	Wan Muhammad Bin Wan Mohd Isa Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
x)	Noor Azleen Binti Kasim Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7
xi)	Muhammad Amirul Ashraf Bin Shahrudin Anggota Lembaga	✓	✓	✓	-	-	-	-	3/7
xii)	Mohd Fadzil Bin Abu Bakar Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	7/7



Hadir



Tidak Hadir (dengan maaf)

4. Warga Kerja KOPERAK dan Subsidiari

Bagi sesi 2022/2023 KOPERAK mempunyai seramai enam (6) orang kakitangan seperti berikut :-

Bil	Nama	Jawatan
i)	Che Wan Binti Hashim	Pengurus
ii)	Nur Faizah Binti Abd Hamid	Eksekutif Kanan
iii)	Rodiah Binti Mat Sum	Eksekutif
iv)	Nurul Amirah Binti Mohamad Fadzil	Eksekutif
v)	Nurul Ammelina Izlin Binti Zulkifli	Eksekutif
vi)	Muhammad Al Nu Aim Bin Mohd Akil	Pembantu Pejabat

Pancaran Permata Sdn Bhd membekalkan pekerja Stesen Minyak PETRONAS milik KOPERAK seperti berikut :-

i)	Stesen Minyak PETRONAS Bandar Meru Raya	14 Kakitangan
ii)	Stesen Minyak PETRONAS Lebuh Meru Raya	13 Kakitangan

LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA SESI 2022/2023

1. JAWATANKUASA PEMANTAUAN, KEWANGAN & AKAUN

Pengerusi : **Haslina Binti Ismail**

Jawatankuasa : Kamarul Bahrin Bin Baharudin
Megat Ghazali Bin Abdul Karim
Aidee Radzwan Bin Rosidi
Che Wan Binti Hashim

Jawatankuasa ini telah diwujudkan di dalam Anggota Lembaga KOPERAK bertujuan untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan dalam aspek kewangan dan akaun di KOPERAK.

Jawatankuasa ini berperanan sebagai pemantau aktiviti KOPERAK selain bertindak sebagai penasihat kepada semua jawatankuasa lain bagi memastikan perjalanan setiap jawatankuasa dalam membangunkan aktiviti jawatankuasa masing-masing mengikut peraturan dan syarat-syarat ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil KOPERAK dan Akta Koperasi 1993.

Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menyemak dan menyelia kedudukan kewangan serta akaun bulanan dan tahunan KOPERAK dan subsidiari untuk menyokong kesemua aktiviti yang dirancang dapat berjalan dengan lancar.

2. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Pengerusi : **Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi**

Jawatankuasa : Nor Azman Bin Zulkifli
Wan Muhammad bin Wan Mohd Isa
Che Wan Binti Hashim

Sewaan Ruang Perniagaan Stesen Minyak Lebuh Meru Raya

Bermula Mei 2022 sehingga kini pihak Perak Industrial Resources Sdn Bhd (PIRSB) menyewa ruang perniagaan QSR di Stesen Minyak Lebuh Meru Raya dengan menjalankan perniagaan francais Restoran Wing Zone (F&B). Kadar sewaan bulanan adalah RM5,000.00 sebulan. Pendapatan sewaan bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM40,000.00.

Terdapat ruang tingkat atas stesen minyak tersebut yang masih dalam perancangan perniagaan sama ada untuk aktiviti sewaan ruang pejabat, ruang kerja untuk pelajar atau cadangan perniagaan lain. Semuanya masih lagi dalam perancangan yang memerlukan keputusan yang tepat bagi menjaga pendapatan KOPERAK selain dari perniagaan stesen minyak.

3. JAWATANKUASA PEMBIAYAAN & KEBAJIKAN ANGGOTA

Pengerusi : **Noor Azleen Binti Kasim**

Jawatankuasa : Nazatul Halipah Binti Kamarulzaman
Che Wan Binti Hashim
Rodiah Binti Mat Sum

Dalam tahun 2022, KOPERAK telah membelanjakan sebanyak RM1,673,824.50 bagi urusan pembiayaan anggota bagi pelbagai keperluan perbelanjaan kepada seramai 138 orang anggota. KOPERAK juga telah membelanjakan sebanyak RM24,850.00 sepanjang tahun 2022 melalui tabung KOPERAK kepada anggota dan keluarga anggota.

A. Tabung Pendidikan

i) Sijil Pelajaran Malaysia 8A (RM300.00) / 5A-7A (RM250.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.
1.	Nur Danisha Azman Binti Nor Azman	Nor Azman Bin Zulkifli	828
2.	Muhamad Aqil Bazli Bin Jafni	Rozita Binti Hawari	956
3.	Nur Amila Binti Kamarudin	Kamarudin Bin Abd Rahman	555
4.	Afryna Balqis Binti Khair Hashim	Saimaah Binti Ijar	566
5.	Aina Syakirah Binti Redzuan Cheong	Suzana Binti Adham	644
6.	Nur Badrina Binti Azmi	Nursamsiah Binti Majid	664
7.	Muhammad Syahmi Aiman Bin Zakaria	Zakaria Bin Abdullah	770
8.	Nur Syazana Alyaa Binti Meor Safirul	Aziatun Azni Binti Abdul Samad	656
9.	Aleya Khaleda Binti Zaki	Salmah Binti Mohamed Ismail	374

ii) Matrikulasi / Asasi (RM350.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.
1.	Syed Mohamad Iqmal Bin Syed Cholan	Syed Cholan Bin Syed Hitam	134
2.	Nur Dania Ixora Binti Shamsul Ariffin	Nor Hafizah Binti Badarudin	725
3.	Nur Syazana Alyaa Binti Meor Safirul	Aziatun Azni Binti Abdul Samad	656
4.	Nur Danisha Azman Binti Nor Azman	Nor Azman Bin Zulkifli	828

iii) Institut Pengajian Tinggi – Diploma (RM350.00), Ijazah Sarjana Muda (RM500.00) & Ijazah Sarjana (RM350.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.
1.	Adha Aiman Mustaqim Bin Mustafa	Azaliza Binti Hidzer	363
2.	Syed Mohamad Ilman Bin Syed Cholan	Syed Cholan Bin Syed Hitam	134
3.	Muhamad Danish Azman Bin Nor Azman	Nor Azman Bin Zulkifli	828
4.	Muhamad Danial Azman Bin Nor Azman	Nor Azman Bin Zulkifli	828
5.	Muhammad Rasyid Bin Rosidi Fahlid	Lailatussa'adah Binti Abd Hamid	576
6.	Muhamad Nur Izzuddin Bin Najmullail	Najmullail Bin Omaruddin	769
7.	Atikah Binti Ahmad Fauzi	Suzainna Binti Muhammad Sepian	821
8.	Nur Ainaa Husna Binti Zulkifli	Zulkifli Bin Ahmad Husin	1059
9.	Hanis Atiqah Binti Nokman	Shahariah Binti Adam	319

B. Sumbangan Masuk Wad 3 Hari 2 Malam Atau Lebih / Bencana Alam

Bil	Nama	Anggota No.	Perkara
1.	Lee Kah Jin	1069	Masuk Wad
2.	Nadiah Binti Omar Baki	918	Masuk Wad
3.	Kamariah Binti Ahmad	763	Masuk Wad
4.	Abdul Razak Bin Taharim	238	Masuk Wad
5.	Muhamad Asbullah Bin Azmi	1000	Masuk Wad
6.	Lailatul Binti Bahari	343	Masuk Wad
7.	Annromeda Zeti Binti Annuar	478	Masuk Wad
8.	Abd Aziz Bin Adnan	475	Masuk Wad
9.	Nurul Husna Binti Mohd Zaidi Ng	411	Masuk Wad
10.	Nor'aini Binti Alias	831	Masuk Wad
11.	Nor Hazelinda Binti Mohammed Azran	889	Masuk Wad
12.	Mohd Hasnawi Bin Zainal Abidin	780	Masuk Wad
13.	Farrah Sakinah Binti PP Abdul Satar	925	Masuk Wad
14.	Muhamad Iqwan Bin Rusli	1071	Masuk Wad
15.	Umar Bin Abu	302	Masuk Wad
16.	Puteh Kushariah Binti Nadzri	723	Masuk Wad
17.	Muhamad Syahrin Bin Abd Ghani	851	Masuk Wad
18.	Siti Munirah Binti Mat Tahir	1053	Masuk Wad
19.	Azaliza Binti Hidzer	363	Masuk Wad
20.	Hafiza Binti Ramli	507	Masuk Wad
21.	Azlini Binti Azizdin Shah	774	Masuk Wad
22.	Nurul Shahida Binti Ahmad Radzi	808	Masuk Wad
23.	Nasiha Sakina Binti Nawawi	1108	Masuk Wad
24.	Zul Effizal Bin Mohamad Saad	962	Masuk Wad
25.	Suzainna Binti Muhammad Sepian	821	Masuk Wad
26.	Fausiah Binti Adham	394	Masuk Wad

C. Sumbangan Kematian Anggota Dan Keluarga Anggota / Ehsan

Bil	Nama	Anggota No.	Perkara
1.	Ramlah Binti Ramli	64	Kematian Ibu
2.	Puteh Kushariah Binti Nadzri	723	Kematian Ibu
3.	Rusilawati Binti Mustafa	482	Kematian Ibu
4.	Mohamad Hafiz Bin Sulaiman	837	Kematian Ibu
5.	Haslina Binti Ismail	724	Kematian Ibu
6.	Zuraidah Binti Umar	15	Kematian Ibu
7.	Mohd Azrul Bin Ahmad Tahir	803	Kematian Bapa
8.	Samsuri Bin Yusof	758	Kematian Bapa
9.	Zul Effizal Bin Mohamad Saad	962	Kematian Bapa
10.	Kamariah Binti Ahmad	763	Kematian Bapa
11.	Mohd Noor Bin Abdul Wahab	1055	Kematian Bapa
12.	Azaliza Binti Hidzer	363	Kematian Bapa
13.	Maizurah Binti Md Yusoff	825	Kematian Bapa
14.	Muhamad Ridza Bin Abdul Mutalib	805	Kematian Bapa
15.	Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi	1027	Kematian Bapa
16.	Salmah Binti Wan Yussof	226	Kematian Suami
17.	Abd Latif Bin Mohd Zin	35	Kematian Anggota
18.	Noor Anis Syakirah Binti Bidres	960	Umrah
19.	Muhammad Isiaq Bin Shaiful Hisham	877	Umrah
20.	Nur Sahira Binti Mohamad Rossidi	1052	Umrah
21.	Hamsiah Binti Osman Basha	200	Fardhu Haji
22.	Rusilawati Binti Mustafa	482	Fardhu Haji
23.	Ahmad Shaharom Bin Mohd Razali	466	Fardhu Haji
24.	Sabariyah Binti Abdul Manan	295	Fardhu Haji

D. Tabung Kebajikan Am (Perkahwinan, Kelahiran Anak Pertama Dan Berkhatan Anak Lelaki)

Bil	Nama	Anggota No.	Perkara
1.	Muhamad Syuhada Bin Saad Zenal Abidin	879	Perkahwinan
2.	Jamuna Nair a/p Krishnan	1106	Perkahwinan
3.	Azrin Shah Bin Anizam	1082	Perkahwinan
4.	Qamarul Ariffin Bin Sahid	1035	Perkahwinan
5.	Muhammad Amirul Rashid Bin Mohamad Firuz	914	Perkahwinan
6.	Fatin Zafirah Binti Fadil Marzuki	845	Kelahiran Anak Pertama
7.	Muhammad Amirul Rashid Bin Mohamad Firuz	914	Kelahiran Anak Pertama
8.	Mohamad Tharwan Bin Ahmad Sukri	1067	Kelahiran Anak Pertama
9.	Raja Azura Shamim Binti Raja Mohd Zamani	1102	Berkhatan Anak Lelaki
10.	Salahuddin Bin Hj Idris	846	Berkhatan Anak Lelaki

4. JAWATANKUASA HARTANAH & PERTANIAN

Pengerusi : **Megat Ghazali Bin Abdul Karim**

Jawatankuasa : Kamarul Bahrin Bin Baharudin
Nor Azman Bin Zulkifli
Mohd Fadzil Bin Abu Bakar
Che Wan Binti Hashim
Nur Faizah Binti Abd Hamid

4.1 **Projek Perumahan Sg. Raia**

Bagi Projek Perumahan Sg Raia, pihak pemaju yang dilantik telah mencadangkan untuk meminda jenis rumah kepada Rumah Perakku II (Kos Sederhana) ke atas Pelan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Majlis Daerah Batu Gajah dimana dijangka akan dapat memberikan pengurangan ke atas bayaran kadar premium yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak (PTG) kelak. Pemaju akan mengemukakan Cadangan Pelan Pindaan berserta Kos Pembangunan Projek yang baru kepada KOPERAK.

Perbincangan lanjut akan diadakan di antara pihak pemaju, KOPERAK dengan Lembaga Perumahan Hartanah Perak (LPHP) dan PTG.

4.2 **Projek Simpang**

Projek Pembinaan 6 unit rumah teres 2 tingkat di Taman Simpang Bakti Mukim Assam Kumbang, Taiping masih dalam proses pembangunan. Pihak pemaju yang dilantik di dalam tindakan untuk mendapatkan kelulusan lanjutan pelan bangunan yang baru memandangkan kelulusan untuk pelan terdahulu telah tamat tempoh.

Permohonan pihak pemaju kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mengalihkan tiang yang berada dalam kawasan pembangunan masih belum diluluskan. Walau bagaimanapun pihak pemaju dalam proses untuk mempercepatkan kelulusan TNB tersebut supaya projek pembangunan dapat dijalankan dalam waktu terdekat.

4.3 **Pertanian**

Tanah Pertanian Kelapa Sawit di PT No. 5153 di Mukim Bidor, Daerah Batang Padang, Tapah Seluas 100 Ekar (40.46 Hektar)

Sikap Utama Sdn Bhd (SUSB) selaku anak syarikat KOPERAK telah dilantik bagi menguruskan sewaan tanah pertanian kelapa sawit milik KOPERAK kepada penyewa-penyewa seperti berikut :

Bil.	Nama Penyewa	Keluasan Ekar
1.	Asas Kurnia Ekuiti Sdn Bhd	25.000
2.	Asas Alia Farm (M) Sdn Bhd	60.000
3.	Tiada Penyewa	3.052
4.	Tidak disewa (Berpaya)	11.948
Jumlah		100.000

Tanah pertanian kelapa sawit ini disewakan pada kadar semasa RM110.00 seekar sebulan. Hasil pendapatan tahunan dari sewaan kelapa sawit bagi 85 ekar adalah sebanyak RM112,200.00. Perolehan dari sewaan ini menjadi salah satu punca SUSB memberikan pulangan kepada induknya KOPERAK dalam bentuk Yuran Pengurusan.

5. JAWATANKUASA PERNIAGAAN INSURANS

Pengerusi : **Isnor Fazni Binti Abu Hassan**

Jawatankuasa : Kamarul Bahrin Bin Baharudin
Che Wan Binti Hashim
Nur Faizah Binti Abd Hamid

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat, rahmat dan izin-Nya sehingga tahun 2023, perniagaan insurans masih lagi relevan bagi menjana pendapatan KOPERAK.

Walaupun pelbagai cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat insurans, syarikat insurans yang diwakili oleh KOPERAK masih berkemampuan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan terutamanya anggota KOPERAK dengan menawarkan pelbagai produk yang terkini dalam industri ini.

Syarikat-syarikat insurans yang diwakili oleh KOPERAK sering memberi tunjuk ajar serta berkongsi maklumat-maklumat terbaru untuk membantu KOPERAK di dalam penambahbaikan bagi menawarkan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan-pelanggan dengan mengemukakan sebutharga insurans kenderaan dan produk-produk insurans yang lain.

KOPERAK juga memberikan perlindungan insurans Takaful Kelompok untuk anggota-anggotanya serta pasangan (pilihan). Ini bertujuan untuk membantu waris anggota yang tinggal sekiranya berlaku kematian atau musibah dalam kalangan anggota atau pasangan. Perlindungan ini telahpun bermula pada 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun. KOPERAK berharap semua anggota dapat memberikan sokongan secara konsisten kepada KOPERAK. Semoga dengan sokongan padu anggota-anggota dapat menjadikan KOPERAK antara koperasi yang berdaya saing di Malaysia.

Sebagai makluman kepada semua anggota, KOPERAK turut menawarkan perlindungan insurans kediaman (*House owner*) dengan kadar premium yang sangat berpatutan. Pihak Pengurusan KOPERAK sentiasa bersedia dalam memberikan maklumat dan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggannya.

Seiring dengan kemajuan teknologi semasa, anggota-anggota hanya perlu menghantar emel atau pesanan ringkas melalui aplikasi *WhatsApp* untuk mendapatkan perkhidmatan insurans dari KOPERAK. Berkat sokongan padu anggota-anggota yang dikasihi, KOPERAK akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggotanya.

Akhir kata, semoga perniagaan insurans KOPERAK terus maju dengan sokongan semua anggotanya

6. JAWATANKUASA PENGURUSAN STESEN MINYAK

Pengerusi	: Encik Aidee Radzwan Bin Rosidi
Jawatankuasa	: Encik Kamarul Bahrin Bin Baharudin Encik Megat Ghazali Bin Abdul Karim Encik Syed Omar Huzaimi Bin Syed Ghaibi Puan Noor Azleen Binti Kasim Puan Che Wan Binti Hashim

6.1 Stesen Minyak PETRONAS Bandar Meru Raya (CODO)

Stesen Minyak PETRONAS Bandar Meru Raya (PSBMR) kini telah menjangkau usia lebih 12 tahun sejak mula menjalankan operasi pada 23 Mac 2011.

Pelbagai pahit manis dikecapi di dalam menguruskan PSBMR sepanjang merentasi usia 12 tahun. Namun PSBMR dilihat kekal positif dan stabil walaupun pelbagai cabaran serta rintangan yang melanda. Hal ini dapat dilihat apabila PSBMR kekal sebagai status *high volume station* seperti yang dikategorikan oleh pihak Petronas Dagangan Berhad (PDB) berdasarkan jualan minyak.

Hasil sokongan daripada pembangunan yang rancak dijalankan di sekitar Bandar Meru Raya, PSBMR dilihat turut mendapat manfaat untuk meningkatkan jualan minyak dan barangan. Acara-acara yang diadakan di Bulatan Sultan Azlan Shah dan ruang legar Mydin Meru Raya antara penyumbang utama yang turut membantu untuk menarik pelanggan ke PSBMR.

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) seperti *Special Friday*, Program Bersih Bersama dan seumpamanya, turut tidak terkecuali untuk menjadi keunikan PSBMR dalam meningkatkan mutu servis khidmat pelanggan kepada semua pengunjung. Selain itu, PSBMR terus memperkukuhkan hubungan baik dengan pihak PDB dengan menjadi tuan rumah dalam pelbagai program seperti *Offloading Training*, *Santai Sport Day* dan sebagainya.

Semoga PSBMR terus kekal menjadi stesen minyak utama di Bandar Meru Raya dan yang terbaik di Malaysia. Impian ini akan menjadi pemangkin semangat untuk PSBMR mengorak langkah lebih jauh pada masa hadapan.

6.2 Stesen Minyak PETRONAS Lebu Meru Raya (DODO)

Stesen Minyak PETRONAS Lebu Meru Raya (PSLMR) merupakan stesen minyak kedua milik penuh KOPERAK di bawah konsep DODO (Dealers Own Dealers Operate). Stesen ini telah mula beroperasi sepenuhnya pada 26 April 2022.

Operasi PSLMR mula beroperasi pada bulan Ramadhan, jualan adalah dijangka rendah namun jualan harian masih mencapai sasaran jualan (*sales target*) yang ditetapkan oleh PETRONAS Dagangan Berhad (PDB). Stesen ini sehingga kini masih kekal sebagai stesen berstatus *Medium Volume Station* seperti yang dikategorikan oleh pihak PDB berdasarkan jualan minyak.

PSLMR telah menjadi tuan rumah bagi *Program Full-Service Maintenance* yang membabitkan 27 stesen minyak di sekitar Perak, RER Team daripada pihak PDB dan pembabitan kontraktor serta vendor lantikan PDB. PSLMR juga telah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa bagi Program *Ipah Food Festival* Peringkat Utara. Pembabitan PSLMR di dalam program-program ini dijangka akan memperkukuhkan lagi hubungan baik bersama PDB di samping membantu PSLMR di dalam meningkat maju dan lebih berjaya di masa hadapan.

Bagi menzahirkan penghargaan kepada pelanggan, Program CSR telah pun dimulakan sejak awal stesen beroperasi seperti Sedekah Jumaat kepada pelanggan-pelanggan stesen, Program Meraikan Anak Yatim dan Asnaf sekitar Perak, Program Lawatan dan Sedekah Rumah Anak Yatim Siti Khadijah di Changkat Jering. Program sebegini diharapkan dapat menarik komuniti setempat agar sama-sama menjana ekonomi dan membawa kejayaan kepada stesen.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI DAN KUMPULAN BAGI TAHUN 2022

1. TUJUAN

Laporan tahunan ini disediakan untuk memenuhi kehendak Seksyen 42(A) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Undang-Undang Kecil 53 Koperasi Perbadanan Perak Berhad untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-41.

2. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JKAD)

Keanggotaan JKAD Koperasi adalah terdiri daripada :-

- i) Puan Rusilawati binti Mustafa
- ii) Encik Zaikal Zikry bin Mansor
- iii) Puan Noor Azlina binti Che Rashid

3. SKOP AUDIT


Laporan yang dibuat akan berdasarkan kepada hasil pengauditan terhadap hal ehwal kewangan pentadbiran dan aktiviti-aktiviti Koperasi dan subsidiarinya yang dijalankan dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

4. KESIMPULAN DAN PANDANGAN

Kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal ehwal koperasi dan subsidiarinya telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007). Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Perbadanan Perak Berhad.

5. PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.



(Rusilawati binti Mustafa)
Pengerusi JKAD



(Zaikal Zikry bin Mansor)
Anggota JKAD



(Noor Azlina binti Che Rashid)
Anggota JKAD

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2022



HUZAINI & CO. (AF 1342)

Chartered Accountants
Member Firm Of Malaysian Institute Of Accountants

No 561, Lorong Haruan 4/7, Oakland Commerce Square, 70300 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel : 06 - 632 6352 (O), 016-233 6431/32 (HP) Fax : 06 - 632 6351 Email : huzaini1342@gmail.com

**KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)**

**LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Kepada :-
Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-Anggota Koperasi Perbadanan Perak Berhad,

Tetuan,

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Perbadanan Perak Berhad**, yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Disember 2022 dan Penyata Pembahagian Keuntungan Disatukan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai bagi Koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan nota-nota penerangan yang lain, yang dibentangkan di muka surat 7 hingga 44.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2022, serta prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan Akta Koperasi 1993.

Asas Kepada Pendapat

Kami melaksanakan pengauditan kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan dengan lebih lanjut di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi memberi asas untuk menyatakan pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami bebas daripada Koperasi selaras dengan *Undang-undang Kecil* (mengenai *Etika, Tingkahlaku dan Praktis Profesional*) Institut Akauntan Malaysia ("*Undang-undang Kecil*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional untuk Akauntan ("*Kod IESBA*") dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan *Undang-undang Kecil* dan Kod IESBA.

Laporan Juruaudit.....samb

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi maklumat yang terkandung di dalam Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan kami.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Koperasi tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak memberikan sebarang bentuk pendapat jaminan mengenainya.

Berhubung dengan audit kami ke atas penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah membaca maklumat lain dan, dalam masa yang sama, mempertimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi semasa audit atau sebaliknya kelihatan disalahnyatakan secara material.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang kami laksanakan, kami berpendapat bahawa terdapat salah nyataan material pada maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Tiada apa yang kami ingin laporkan berkenaan perkara ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi kepada Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberi pandangan sebenar dan saksama selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian di Malaysia dan keperluan-keperluan Akta Koperasi, 1993. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab atas kawalan dalaman sebagaimana yang Anggota Lembaga Koperasi tentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi sama ada berniat untuk membubarkan Koperasi atau untuk menamatkan operasi, atau tiada pilihan realistik melainkan melakukannya.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar mengenai penyata kewangan Koperasi secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan senantiasa mengenal pasti salah nyataan material apabila ia wujud.

Laporan Juruaudit.....samb

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar boleh mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebahagian dari audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- a) mengenal pasti dan menilai risiko salah nyataan material penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata material disebabkan penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan bertujuan, salah nyata atau pelanggaran kawalan dalaman.
- b) mendapat kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang berpatutan mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- c) menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- d) membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Koperasi meneruskan sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki menarik perhatian di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Koperasi atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan akan datang mungkin menyebabkan Koperasi berhenti meneruskan sebagai usaha berterusan.
- e) menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sekiranya penyata kewangan mewakili urusan niaga sandaran dan peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara perkara lain, rancangan skop dan masa audit dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kelemahan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti sepanjang pengauditan kami.

Laporan Juruaudit.....samb


Laporan ke atas Kehendak-Kehendak Perundangan dan Berkanun Yang Lain

Menurut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami;

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkenaan telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993;
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi;
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.

Lain-lain Perkara

Laporan ini dibuat untuk anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, mengikut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993, dan tanpa ada sebarang tujuan yang lain. Kami tidak mengambil tanggungjawab ke atas pihak lain bagi kandungan laporan ini.


HUZAINI & CO.
Nombor Firma : AF 1342
Akauntan Bertauliah (Malaysia)


HUZAINI BINTI HUSSIN
No. Kelulusan : SKM (B) 0193

Seremban, Negeri Sembilan.

Tarikh : **24 MAY 2023**

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993
SEKSYEN 59(1) (C)

Kami bagi pihak Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Anggota Lembaga melaporkan bahawa:-

a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59 (4), selain daripada pembahagian dividen yang dibayar menggunakan Kumpulan Wang Penyamaan Dividen.

b) Koperasi bercadang membayar :

	RM
8% dividen pada tahun ini (2021 : 8%)	248,980.96
Honorarium Anggota Lembaga	4,200.00

c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.

d) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Penyata Pendapatan Komprehensif, tiada liabiliti kontingen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.

e) Anggota Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Penyata Kedudukan Kewangan adalah munasabah.


KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia)

Laporan Berkanun Anggota Lembaga

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022

Kami bagi pihak Anggota Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan sepertimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 Seksyen 59 (3).



.....
**KAMARUL BAHRIN
BIN BAHARUDIN**

Pengerusi



.....
**NAZATUL HALIPAH BINTI
KAMARULZAMAN**

Setiausaha



.....
HASLINA BINTI ISMAIL

Bendahari

Ipoh, Perak.

Tarikh 24 MAY 2023

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2022

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN					
	5				
Tanah		609,840.00	609,840.00	609,840.00	609,840.00
Bangunan		6,168,889.44	6,017,431.99	6,168,889.44	6,017,431.99
Perabut dan Kelengkapan		2,483.38	4,101.82	2,483.38	4,101.82
Peralatan Pejabat		21,871.00	25,960.11	21,871.00	25,960.11
Rumah Kedai		680,803.54	697,003.54	680,803.54	697,003.54
Aset Stesen Minyak PETRONAS (PSS)		44,619.31	5.00	44,619.31	5.00
		<u>7,528,506.67</u>	<u>7,354,342.46</u>	<u>7,528,506.67</u>	<u>7,354,342.46</u>
ASET BUKAN SEMASA					
Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	6	18,156.10	18,156.10	14,112.00	14,112.00
Pelaburan Dalam Syer Taksiar Harga	7	2,000.00	2,000.00	2,000.00	2,000.00
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	8	-	-	10,000.00	10,000.00
Pelaburan Hartanah	9	271,839.44	279,726.97	271,839.44	279,726.97
Pembiayaan Anggota	10	2,031,585.66	1,778,110.28	2,031,585.66	1,778,110.28
Kos Pembangunan	11	1,319,013.90	1,320,683.90	1,319,013.90	1,320,683.90
Aset Lain Bukan Semasa		8,087.60	9,000.00	-	-
		<u>3,650,682.70</u>	<u>3,407,677.25</u>	<u>3,648,551.00</u>	<u>3,404,633.15</u>
ASET SEMASA					
Aset Kumpulan Wang					
Rizab Statutori	12	152,851.22	201,675.00	152,851.22	201,675.00
Pembiayaan Anggota	10	773,836.40	781,780.75	773,836.40	781,780.75
Penghutang Perdagangan	13	139,113.79	205,232.37	139,113.79	205,232.37
Pelbagai Penghutang dan Deposit	14	317,094.62	156,873.54	317,094.62	125,607.01
Simpanan tetap	15	143,864.88	141,486.51	-	-
Stok (Minyak dan Kedai Mesra)	16	373,246.43	74,168.97	373,246.43	74,168.97
Terhutang oleh Syarikat Subsidiari	8	-	-	15,942.01	117,767.11
Tunai di bank dan di tangan	17	700,392.64	803,177.12	570,417.28	627,337.06
		<u>2,600,399.98</u>	<u>2,364,394.26</u>	<u>2,342,501.75</u>	<u>2,133,568.27</u>
JUMLAH ASET		<u><u>13,779,589.35</u></u>	<u><u>13,126,413.97</u></u>	<u><u>13,519,559.42</u></u>	<u><u>12,892,543.88</u></u>

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2022

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
DIBIYAI OLEH:					
Modal Yuran Anggota	18	3,164,352.04	2,911,442.43	3,164,352.04	2,911,442.43
Modal Syer Anggota	19	57,390.00	60,650.00	57,390.00	60,650.00
Modal Syer Ditebus	20	36,819.46	40,079.46	36,819.46	40,079.46
Kumpulan Wang Bencana					
Musibah	21	40,777.55	41,696.55	40,777.55	41,696.55
Kumpulan Wang Penebusan Syer	22	47,261.89	44,001.89	47,261.89	44,001.89
Kumpulan Wang Pendidikan	23	112,966.43	75,882.54	112,966.43	75,882.54
Kumpulan Wang Kebajikan Am	24	79,590.03	40,710.14	79,590.03	40,710.14
Kumpulan Wang Khairat					
Kematian	25	48,217.72	34,892.27	48,217.72	34,892.27
Keuntungan Terkumpul		79,669.88	66,521.99	73,168.42	70,697.68
KUMPULAN WANG ANGGOTA		3,667,045.00	3,315,877.27	3,660,543.54	3,320,052.96
Kumpulan Wang Rizab Statutori	26	815,830.26	763,254.72	815,830.26	763,254.72
		<u>4,482,875.26</u>	<u>4,079,131.99</u>	<u>4,476,373.80</u>	<u>4,083,307.68</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Pinjaman Institusi Kewangan	27	7,325,386.40	7,611,522.42	7,325,386.40	7,611,522.42
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai Pemiutang dan Deposit	28	537,820.91	331,407.21	288,323.65	94,508.95
Pinjaman Institusi Kewangan	27	1,122,370.89	859,212.79	1,122,370.89	859,212.79
Terhutang kepada Syarikat					
Subsidiari	8	-	-	-	2,056.48
Kumpulan Wang Amanah					
Pendidikan Koperasi	29	14,921.71	6,159.12	14,921.71	6,159.12
Kumpulan Wang Amanah					
Pembangunan Koperasi	30	7,460.86	3,079.56	7,460.86	3,079.56
Dividen	31	248,980.96	228,496.88	248,980.96	228,496.88
Honorarium	32	4,200.00	4,200.00	4,200.00	4,200.00
Peruntukan Cukai		35,572.36	3,204.00	31,541.15	-
		<u>1,971,327.69</u>	<u>1,435,759.56</u>	<u>1,717,799.22</u>	<u>1,197,713.78</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>13,779,589.35</u>	<u>13,126,413.97</u>	<u>13,519,559.42</u>	<u>12,892,543.88</u>

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
PENYATA PEMBAGIAN KEUNTUNGAN DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	KUMPULAN		KOPERASI	
		2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
Keuntungan bersih dalam tahun		452,963.66	314,903.75	438,129.51	307,955.86
Tolak : Pembahagian berkanun					
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12%		52,575.54	36,954.70	52,575.54	36,954.70
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%		8,762.59	6,159.12	8,762.59	6,159.12
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%		4,381.30	3,079.56	4,381.30	3,079.56
Keuntungan selepas pembahagian statutori dan sebelum cukai		387,244.23	268,710.37	372,410.08	261,762.48
Tolak : Peruntukan cukai tahun semasa	33	(35,248.15)	(3,204.00)	(31,541.15)	-
Keuntungan selepas pembahagian statutori		351,996.08	265,506.37	340,868.93	261,762.48
Tolak : Pembahagian lain					
Dividen dicadangkan - 8% (2021:8%)		248,980.96	228,496.88	248,980.96	228,496.88
Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Am - 10% (2021:10%)		34,086.89	26,176.25	34,086.89	26,176.25
Kumpulan Wang Pendidikan - 10% (2021:0%)		34,086.89	-	34,086.89	-
Kumpulan Wang Khairat Kematian - 5% (2021:0%)		17,043.45	-	17,043.45	-
Honorarium dicadangkan		4,200.00	4,200.00	4,200.00	4,200.00
		13,597.89	6,633.24	2,470.74	2,889.35
(Tolak)/Tambah : Pelarasan bukan operasi					
Pelarasan peruntukan cukai	33	(450.00)	17,473.33	-	15,000.00
		13,147.89	24,106.57	2,470.74	17,889.35
Keuntungan terkumpul dibawa ke hadapan		66,521.99	42,415.42	70,697.68	52,808.33
Keuntungan Terkumpul Di Hantar ke Hadapan		79,669.88	66,521.99	73,168.42	70,697.68

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
PENYATA PENDAPATAN KOPERASI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	NOTA	2022 RM	2021 RM
PENDAPATAN			
Caj perkhidmatan pembiayaan		1,930.00	1,040.00
Fi masuk		250.00	90.00
Keuntungan pelaburan		6,028.57	7,173.05
Keuntungan akaun semasa		1,597.06	3,106.12
Keuntungan hartanah (sewa bangunan)		29,400.00	31,850.00
Keuntungan pembiayaan		305,373.00	253,060.50
Komisen insurans		124,771.25	142,666.30
Perniagaan stesen minyak	Lampiran 1		
PETRONAS Bandar Meru Raya		1,085,543.21	406,823.25
PETRONAS Lebu Meru Raya		(170,874.09)	(125,115.15)
Pelbagai pendapatan		4,305.51	3,405.80
Prihatin - PERKESO		15,600.00	45,000.00
Yuran pengurusan anak syarikat		85,000.00	87,000.00
JUMLAH PENDAPATAN		1,488,924.51	856,099.87
TOLAK: PERBELANJAAN PENTADBIRAN	34	(742,759.12)	(499,820.09)
KEUNTUNGAN BERSIH DALAM TAHUN		746,165.39	356,279.78

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan bersih dalam tahun	452,963.66	314,903.75	438,129.51	307,955.86
Pelarasan :				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	153,061.46	43,878.28	153,061.46	43,878.28
Susutnilai pelaburan hartanah	7,887.53	7,887.53	7,887.53	7,887.53
Faedah imput	1,263.37	-	350.97	-
Peruntukan rosotnilai	-	7,070.45	-	6,360.00
Hibah daripada simpanan semasa	-	(3,106.12)	-	(3,106.12)
	-	(8,020.33)	-	(7,173.05)
<i>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</i>	615,176.02	362,613.56	599,429.47	355,802.50
(Penambahan)/Pengurangan dalam pembiayaan anggota	(245,882.00)	345,546.25	(245,882.00)	345,546.25
Pengurangan dalam kos pembangunan	1,670.00	-	1,670.00	-
Pengurangan dalam penghutang perdagangan	-	66,118.58	45,546.25	66,118.58
(Penambahan)/Pengurangan dalam pelbagai penghutang dan deposit	(203,565.99)	99,836.71	(234,832.52)	88,842.45
Penambahan dalam stok (minyak dan kedai mesra)	-	(299,077.46)	(40,070.00)	(299,077.46)
Penambahan/(Pengurangan) dalam pelbagai pemiutang dan deposit	206,413.70	(331,242.65)	193,814.70	(314,578.98)
(Penambahan) dalam kos kemajuan	-	(250,000.00)	-	(250,000.00)
Penambahan dalam terhutang oleh syarikat subsidiari	-	-	(2,056.48)	(7,000.00)
Penambahan dalam terhutang kepada syarikat subsidiari	-	-	101,825.10	7,554.52
<i>Tunai diperolehi daripada aktiviti operasi</i>	140,852.85	232,230.12	181,009.39	231,642.99
Cukai dibayar	(3,329.79)	(684.74)	-	-
<i>Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti operasi</i>	137,523.06	231,545.38	181,009.39	231,642.99

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA				
AKTIVITI PELABURAN				
Penerimaan hibah daripada simpanan tetap	-	8,020.33	-	3,106.12
Penerimaan keuntungan simpanan tetap	-	3,106.12	-	7,173.05
Penambahan dalam hartanah, loji dan peralatan	(327,225.67)	(52,907.94)	(327,225.67)	(52,907.94)
<i>Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan</i>	(327,225.67)	(41,781.49)	(327,225.67)	(42,628.77)
ALIRAN TUNAI DARIPADA				
AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran modal yuran anggota	(272,106.04)	(158,239.33)	(272,106.04)	(158,239.33)
Penerimaan modal yuran anggota	525,015.65	424,317.13	525,015.65	424,317.13
Pembayaran modal syer anggota	(4,700.00)	(4,023.00)	(4,700.00)	(4,023.00)
Penerimaan modal syer anggota	1,440.00	1,020.00	1,440.00	1,020.00
Pembayaran modal syer ditebus	(3,260.00)	(4,023.00)	(3,260.00)	(4,023.00)
Pembayaran Kumpulan Wang Bencana dan Musibah	(6,500.00)	(6,850.00)	(6,500.00)	(6,850.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Bencana dan Musibah	5,581.00	5,365.00	5,581.00	5,365.00
Penerimaan Kumpulan Penebusan Syer	3,260.00	4,023.00	3,260.00	4,023.00
Pembayaran Kumpulan Wang Pendidikan	(7,900.00)	(9,050.00)	(7,900.00)	(9,050.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Pendidikan	10,897.00	10,720.32	10,897.00	10,720.32
Pembayaran Kumpulan Wang Kebajikan Am	(1,100.00)	(69,131.00)	(1,100.00)	(69,131.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Kebajikan Am	5,893.00	8,647.00	5,893.00	8,647.00
Pembayaran Kumpulan Wang Khairat Kematian	(9,350.00)	(8,200.00)	(9,350.00)	(8,200.00)
Penerimaan Kumpulan Wang Khairat Kematian	5,632.00	5,375.00	5,632.00	5,375.00
Penerimaan pinjaman jangka panjang	400,473.28	-	400,473.28	-
Pembayaran pinjaman jangka panjang	(380,106.29)	(370,402.37)	(380,106.29)	(370,402.37)
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	-	(16,171.96)	-	(16,171.96)
Pembayaran Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	-	(8,085.97)	-	(8,085.97)
Pembayaran dividen	(228,496.88)	(259,881.55)	(228,496.88)	(259,881.55)
Pembayaran honorarium	(4,200.00)	-	(4,200.00)	-
<i>Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pembiayaan</i>	40,472.72	(454,590.73)	40,472.72	(454,590.73)
Pengurangan bersih dalam tunai	(149,229.89)	(264,826.84)	(105,743.56)	(265,576.51)

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2022 RM	2021 RM	2022 RM	2021 RM
TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI				
- pada awal tahun	1,146,338.63	1,411,165.47	829,012.06	1,094,588.57
- pada akhir tahun	997,108.74	1,146,338.63	723,268.50	829,012.06
Diwakili oleh:				
Tunai di bank dan di tangan	700,392.64	803,177.12	570,417.28	627,337.06
Simpanan tetap	143,864.88	141,486.51	-	-
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	152,851.22	201,675.00	152,851.22	201,675.00
	997,108.74	1,146,338.63	723,268.50	829,012.06

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT AM

Koperasi adalah sebuah koperasi didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993, ditubuhkan di Malaysia dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan pejabat menjalankan operasi adalah seperti berikut:

No. 22A, Jalan Meru Impian A1, Pusat Perniagaan Meru Impian, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.

2. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Koperasi adalah sebagai agen yang memberi pembiayaan kepada anggota serta menjalankan kegiatan pelaburan perdagangan am, perniagaan insuran, penjualan alatan pejabat, perniagaan stesen minyak dan lain-lain.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang berikut adalah digunakan dalam melaporkan perkara-perkara yang penting dalam penyata kewangan.

a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Penyediaan penyata Kumpulan dan Koperasi dalam mematuhi kehendak MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Ia juga memerlukan Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat untuk membuat penilaian mereka di dalam proses menggunakan polisi perakaunan Kumpulan dan Koperasi. Walau bagaimanapun, anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Anggota Lembaga Koperasi dan para Pengarah Syarikat tentang peristiwa dan tindakan semasa, dan ia mungkin berbeza daripada keputusan sebenar.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 3 (p) kepada penyata kewangan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan Koperasi dan subsidiari. Subsidiari adalah entiti dikawal oleh Koperasi. Kawalan wujud apabila pemilik induk mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar perakaunan yang seragam bagi urusanniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama. Semua baki, urusanniaga di antara kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

Pelaburan dalam anak syarikat diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Syarikat pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Koperasi dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Hartanah, loji dan peralatan ditunjukkan pada kos asal setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Dasar untuk mengiktiraf dan mengukur kerugian rosotnilai adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 3 (h) kepada penyata kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus mengikut anggaran usiaguna aset-aset tersebut dengan menggunakan kadar tahun berikut:

	%
Bangunan	2
Perabut dan Kelengkapan	15
Peralatan Pejabat	10
Rumah Kedai	2
Aset PSS (Perniagaan Stesen Minyak)	15

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

d) Pelaburan

Pelaburan Koperasi adalah bersifat jangka panjang dan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak elaun rosotnilai, jika ada. Rosotnilai dalam nilai pelaburan hanya diperuntukkan jika, pada pendapat Anggota Lembaga Koperasi, kemerosotan nilai tersebut adalah berkekalan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan ditentukan sebagai perbezaan di antara anggaran perolehan bersih dan nilai dibawa pelaburan tersebut dan akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Pelaburan syer siar harga termasuk tabung amanah yang mengalami kejatuhan dalam harga pasaran yang material (melebihi 30% kejatuhan secara keseluruhan dalam harga pasaran atau jumlah kejatuhan nilai pasaran berbanding dengan kos melebihi 5% daripada untung bersih) perlu dibuat rosotnilai sepenuhnya bagi menggambarkan nilai aset yang benar dan saksama.

e) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah pada asasnya adalah hartanah yang dipegang untuk hasil sewa jangka panjang dan/atau untuk kenaikan modal dan bukan untuk kegunaan Koperasi. Hartanah pelaburan pada mulanya dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi langsung dan proses mendapatkan hartanah berkenaan.

Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul, jika ada. Susut nilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus mengikut anggaran usiaguna aset-aset tersebut dengan menggunakan kadar tahunan berikut:

	Kadar
Tanah	1%
Rumah Kedai	2%

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan hartanah pelaburan ditentukan sebagai perbezaan di antara nilai pelupusan dan nilai dibawa akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

f) Inventori

Inventori dinilai pada harga terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih mengikut kaedah masuk dahulu, keluar dahulu.

Nilai realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan normal ditolak anggaran kos siap dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

g) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Koperasi menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusanniaga, termasuk kos urusanniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusanniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak boleh diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang yang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

g) Aset Kewangan (*sambungan*)

